

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI (IGAN)

TARIKH : 24 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk membina balai polis baru termasuk kuarters anggota di Pekan Matu di dalam kawasan Parlimen Igan memandangkan sekarang mereka menumpang di Bangunan Persekutuan Matu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Balai Polis Matu beroperasi di bangunan Wisma Persekutuan Matu sejak tahun 2012. Balai Polis ini diketuai oleh seorang Ketua Polis Balai berpangkat Sarjan Mejar dengan dibantu oleh 15 orang Pegawai Pangkat Rendah dan seorang Kakitangan Awam. Kawasan sektor adalah seluas 247km persegi dengan kepadatan penduduk berjumlah 16,921 orang (berdasarkan bancian 2010). Indeks jenayah yang direkodkan pada tahun 2019 adalah sebanyak 13 kes manakala bagi tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 September 2020 hanya sembilan (9) kes yang direkodkan.

Kementerian menyedari terdapat keperluan bagi pewujudan balai polis di daerah Matu berasaskan keluasan kawasan serta pembangunan setempat. Walau bagaimanapun, ianya tidak dapat dilaksanakan dalam masa terdekat ekoran keutamaan kepada cadangan projek lain yang lebih mendesak. Tindakan susulan untuk melaksanakan pembangunan di kawasan ini sedang diambil dan dijangkakan perancangan projek akan disenaraikan dalam masa terdekat bagi program pembangunan fizikal Rancangan Malaysia bagi memenuhi aspirasi dan harapan penduduk sekitar dalam menjaga keamanan serta keselamatan setempat.

Tapak cadangan projek balai polis ini adalah di Lot 269 *Matu Town District* seluas 3.05 ekar milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk kegunaan PDRM. Namun keluasan tapak tanah ini tidak menepati syarat yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos. Syarat keluasan tanah yang diperlukan bagi pembangunan balai polis adalah di antara lima (5) hingga 10 ekar dengan sekurang-kurangnya memiliki 20 perjawatan.